

Sungguhpun demikian, sukacita saya kongsi bahawa dalam usaha menjaga keselamatan pengguna Internet, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terlibat di dalam pasukan khas (*taskforce*) yang dibentuk khusus bagi menangani kes "*phishing*" dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan pihak PDRM. Melalui *taskforce* ini, beberapa inisiatif dan tindakan telah dibentuk dan diambil, merangkumi program-program kesedaran untuk orang awam.

Selain itu, SKMM juga menyekat akses kepada laman-laman sesawang yang didapati terlibat dalam kegiatan "*phishing*". Dari tahun 2012 sehingga 2016, sejumlah **8,231** laman sesawang telah disekat kerana kegiatan "*phishing*". Di peringkat antarabangsa pula, SKMM turut berkongsi maklumat "*phishing*" dan "*malware*" yang dikesan dan dikumpulkan terutamanya menerusi inisiatif "MaduNet", dengan komuniti "*Computer Emergency Response Team*" (CERT). Melaluinya, bukan hanya rakyat Malaysia dapat dilindungi daripada ancaman "*phishing*", malah masyarakat antarabangsa juga menerima manfaat yang sama.

SKMM turut secara proaktif menasihatkan pemilik atau pengendali laman sesawang yang digunakan untuk kegiatan "*phishing*" dalam memberhentikan kegiatan "*phishing*" yang wujud di laman sesawang mereka. Sekiranya pengendali laman sesawang tersebut tidak mengambil tindakan sewajarnya, maka SKMM akan berhubung dengan Pengendali Perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider - ISP*) di Negara terbabit.